

Macam-macam kemudahan pelajar universiti dapat, apa lagi selepas ini?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

PELAJAR kini sepatutnya lebih bersyukur dengan kehidupan sebagai seorang mahasiswa di IPTA mahupun IPTS. Ini disebabkan banyak pihak yang tampil untuk membantu dari sudut kewangan semasa bergelar mahasiswa. Kalau dulu penaja PTPTN mengenakan kadar faedah antara 5-3 peratus namun kini pihak kerajaan mengambil berat tentang keupayaan graduan lepasan IPTA dan IPTS untuk membayar semula selepas enam bulan bergraduat maka kadar tersebut telah dikurangkan. Oleh sebab itu kadar pembayaran yang menggunakan pembayaran upah hanya sekadar satu peratus

UB 19-09-2012 B4
sahaja. Kalau diikutkan semua penjawat awam mahupun swasta mengambil pinjaman daripada sektor perbankan juga sudah dikenakan antara 3-7 peratus kadar faedah. Sedangkan Penaja PTPTN hanya mengenakan kadar 1 peratus melalui pembiayaan ujah juga mahu dimansuhkan adalah tidak wajar dan sesuai kerana untuk mendapatkan ilmu yang berharga maka setiap orang perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya.

Bagi orang yang menghargai ilmu mereka tidak kisah dengan kadar tersebut malah bersyukur kerana diberikan penaja bagi mendapatkan ilmu. Tambahan pula pihak kerajaan turut menaikkan gaji kakitangan kerajaan dan memberi bonus sejajar dengan kehendak masyarakat turut menambahkan faedah kepada pelajar. Ini

disebabkan apabila berlakunya kenaikan gaji maka sudah tentu golongan mahasiswa juga akan mendapat sesuatu yang istimewa daripada kerajaan. Semenjak semester pertama 2012/2013 pihak kerajaan turut mengambil inisiatif dengan menggalakan syarikat-syarikat korporat untuk menabur bakti kepada negara melalui Kad diskaun 1Malaysia yang akan banyak membantu para mahasiswa untuk berbelanja semasa membeli keperluan seharian, sama ada membeli buku, makanan, pengangkutan dan sebagainya. Adalah dianggarkan lebih 1.5 juta orang pelajar IPTA dan IPTS akan menerima kemudahan kad diskaun 1Malaysia nanti.

Kalau pada tahun 80an, 90an mahasiswa hanya diberikan penaja sahaja, itupun sudah mencukupi bagi menampung kos pengajian selama tiga hingga

lima tahun pengajian. Mungkin kos tersebut adalah bersesuaian dengan perkembangan ekonomi pada waktu itu. Justeru itu para mahasiswa IPTA dan IPTS wajar bersyukur dan melihat kesungguhan pihak kerajaan membantu adalah telus dan sewajarnya menyokong setiap pembaharuan dan pelan pembangunan kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pembangunan negara. Walau bagaimanapun pembangunan untuk keseluruhan negeri tidak dapat dijalankan secara serentak dan memerlukan fasa demi fasa mengikut kesesuaian iaitu keadaan demografi, geografi, keperluan masyarakat, dan sebagainya. Para pemimpin juga perlu lebih bersifat futuristik dan mengambil pendekatan bahawa dengan mengalu-alukan pelabur dari luar untuk membuat pelaburan di

dalam negeri untuk meningkatkan kemajuan dari sudut infratraktur, kemajuan sains dan teknologi, ideologi dan sebagainya. Keadaan tersebut perlu untuk memastikan semua lapisan golongan rakyat merasai keindahan pembangunan di segenap pelusuk negeri. Yang kaya tetap kaya dan yang miskin akan bersedia untuk menjadi kaya dengan adanya maklumat yang diterima daripada teknologi yang semakin berkembang.

Lantaran itu sebagai golongan yang bergelar mahasiswa harus peka dengan situasi semasa dan mereka juga adalah barisan yang bersedia untuk memikul tanggungjawab dalam memimpin negara kelak. Justeru itu mereka perlu akur dengan pemodenan dan kesusahan yang dialami juga perlu diinsafi bahawa mereka sendiri perlu menggerakkan usaha untuk berdiri

sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat yang lain. Tidak salah untuk menerima pendapat orang lain namun; salah sekiranya merasakan diri diejek dan tidak melihat dari sudut yang positif yang boleh membantu menaik dan meningkatkan keupayaan diri mahupun masyarakat pada masa akan datang. Ibarat kata pepatah Dr Azizan Osman, 'sedalam air di lautan tidak dapat menenggelamkan sebuah kapal kecuali jika air itu memasuki kapal tersebut'. Begitu juga sesuatu yang negatif itu tidak dapat menakluki diri kita kecuali diri kita benarkan ia masuk ke dalam minda kita.

Justeru, itu sekiranya dilihat dari sudut yang positif ada kebenarannya.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah.